



22 MARCH 2023

RHB ISLAMIC MENYERAHKAN DRON PERTANIAN DAN LORI TIPPER KEPADA PETANI ASNAF DI KEDAH

Kuala Lumpur – RHB Islamic Bank Berhad (“RHB Islamic” atau “RHB”) telah menyerahkan dua dron pertanian dan sebuah lori tipper bernilai hampir RM300,000 melalui sumbangan Zakat Wakalah untuk meningkatkan taraf hidup petani Asnaf di Kedah, dengan kerjasama Lembaga Zakat Negeri Kedah (“LZNK”).

Agihan Zakat Wakalah tersebut digunakan untuk membantu petani Asnaf di Kedah melalui projek Smart Sawah Berskala Besar Asnaf Zakat Kedah (“Smart SBBA”) oleh LZNK. Projek Smart SBBA ini bertujuan untuk pembangunan ekonomi ummah, menfokuskan golongan Asnaf dan petani miskin di negeri Kedah. Pada masa yang sama, RHB Islamic juga menyerahkan sebanyak RM500,000 dalam bentuk Zakat Perniagaan kepada LZNK.

“Projek Smart SBBA ini selari dengan dasar mekanisma agihan Zakat Wakalah RHB Islamic, iaitu untuk tujuan pemeraksanaan sosio-ekonomi. Kami berharap bantuan ini dapat membantu para peserta menjana pendapatan yang konsisten dan seterusnya meningkatkan lagi taraf hidup mereka. RHB Islamic akan terus bekerjasama dengan LZNK untuk mengembangkan lagi inisiatif-inisiatif berimpak tinggi pada masa hadapan,” kata Dato’ Adissadikin Ali, Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif, RHB Islamic Bank Berhad.

“Kami amat berbesar hati kerana dapat bekerjasama dengan RHB Islamic di dalam usaha yang amat bermakna ini dan akan terus mempelbagaikan inisiatif dalam menyalurkan sumbangan zakat untuk manfaat kelompok masyarakat yang lebih besar. Projek Smart SBBA ini dapat

menolong petani Asnaf untuk mencapai hasil sawah dengan lebih efisien dan memudahkan kerja penanaman dengan penggunaan teknologi dan kelengkapan jentera yang disediakan,” kata Dato' Syeikh Zakaria Othman, Ketua Pegawai Eksekutif LZNK.

Sebagai simbolik penyerahan agihan zakat wakalah, Dato' Adissadikin Ali yang mewakili RHB Islamic telah menerbangkan sendiri dron pertanian yang disumbangkan dan disaksikan oleh Dato' Syeikh Zakaria Othman, Ketua Pegawai Eksekutif LZNK.

Projek Smart SBBA merangkumi kawasan sawah dengan keluasan 211 hektar, dan telah memanfaatkan seramai 69 petani Asnaf di Yan, Kubang Pasu, dan Kota Setar, Kedah. Melalui projek ini, para petani berpeluang untuk memandu jentera dan lori, dan mengendali dron dengan sendiri sekaligus membantu mereka meningkatkan produktiviti dan hasil pertanian.
